



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI)
KENYATAAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan berikut:

BUTIRAN TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH / TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<p>Tender LPP(HQ) Bil. 01/2019</p> <p>Memasang, Mengujiguna Dan Membekal Lori Baru 'Cold Truck' Jenis Freezer Untuk Lembaga Pertubuhan Peladang seperti dibawah:</p> <p>i. Lori Baru 'Cold Truck' BDM 4,800 Kg Empat (4) Tayar Jenis Freezer – 1 Unit.</p> <p>ii. Lori Baru 'Cold Truck' BDM 7,500 Kg Enam (6) Tayar Jenis Freezer – 1 Unit</p> <p>iii. Lori Baru 'Cold Truck – tail lift' BDM 7,500 Kg Enam (6) Tayar Jenis Freezer – 1 Unit</p>	<p>Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia Dibawah Kod Bidang</p> <p>110104</p> <p>Lori</p>	<p>RM50.00</p>	<p>Tarikh : 2 MEI 2019</p> <p>Masa: 10.00 PAGI</p> <p>Tempat : BILIK MESYUARAT TAN SRI DATO HAJI ZAINAL DAHALAN ARAS 5 MENARA LPP NO.20 JALAN SULTAN SALAHUDDIN 50480 KUALA LUMPUR</p>	<p>2 MEI 2019 (KHAMIS)</p>	<p>23 MEI 2019 (KHAMIS)</p>

Dokumen tender boleh dibeli di alamat berikut pada waktu pejabat jam **8.00 pagi hingga 4.00 petang mulai 2 Mei 2019 (Khamis) hingga 23 Mei 2019 (Khamis).**

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
CAWANGAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN,
ARAS 8B MENARA LPP, NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR (Tel: 03-26109600)**

Bayaran hendaklah dibuat dengan Cek/Bank Draf atas nama **LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**. Wang ini tidak akan dikembalikan.

Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti tarikh dan alamat di atas. Pembekal yang tidak hadir taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan. Wakil Syarikat **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat dan membeli dokumen. Hanya Pemilik Syarikat / Penama yang dibenarkan menghadiri taklimat dan mengambil dokumen dengan mengemukakan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** Untuk Pengesahan.

Dokumen tender yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen **Set A** (Tawaran Harga) dan **Set B** (Tawaran Teknikal) serta dicatitkan nombor tender di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti tender di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum atau pada tarikh tutup yang dinyatakan di atas Jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa tender ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh Iklan : 26 APRIL 2019 (JUMAAT)